

14/01/2004

SRAM teruskan dasar latih di luar negara

Ahmad Fiesal Othman

PERSATUAN Raket Skuasy Malaysia (SRAM) akan meneruskan usaha menghantar pemain menjalani latihan di luar negara bagi memastikan pemain mendapat pengalaman dan pendedahan sempurna demi melakar kejayaan.

Presiden SRAM, Datuk Mokhzani Mahathir, berkata langkah itu perlu kerana menerusnya pemain negara berpeluang mendapat latihan lebih sempurna dan berpeluang menyertai lebih banyak kejohanan sekali gus membantu memantapkan permainan dan meningkatkan keyakinan mereka.

Ia juga menurutnya boleh membantu pemain membiasakan diri dengan lebih baik ketika menyertai kejohanan di luar negara untuk mencatat kejayaan lebih cemerlang seperti dicapai oleh jaguh negara, Ong Beng Hee.

"Sukan skuasy di negara ini telah mencapai tahap dunia dan kita perlu mengambil langkah tegas untuk memastikannya terus meningkat dan mempunyai program pembangunan yang berterusan.

"Antaranya, ialah terus menghantar pemain remaja dan senior menjalani latihan di negara yang maju dalam sukan ini supaya mereka bukan saja dapat menimba pengalaman berharga tetapi kita juga boleh melahirkan jaguh dunia seperti Beng Hee," katanya ketika hadir pada majlis pelantikan Kenneth Low sebagai perunding dan jurulatih profesional skuasy untuk Kelab PanGlobal di Petaling Jaya, Selangor semalam.

Pada majlis itu Mokhzani turut serta dalam perlawanan pertunjukan menentang bekas pelumba Formula Satu pertama negara, Alex Yoong yang diikuti perlawanan antara Low menentang Pengarah Eksekutif PanGlobal Berhad, Jeffrey Wong.

Kelab PanGlobal, ditubuhkan khusus untuk memberi kemudahan menjalani aktiviti sukan terutama kepada pemegang polisi insurans syarikat itu dan pelantikan Low sebagai perunding dan jurulatih profesional skuasy di kelab itu akan menyemarakkan lagi aktiviti sukan di situ.

Low, 27, yang pernah menjuarai kejohanan Skuasy Kebangsaan empat kali akan berperanan sebagai jurulatih profesional kepada ahli dan bukan ahli di kelab berkenaan di mana dia akan memberi tunjuk ajar serta latihan yang betul mengenai permainan skuasy.

Menurut Low, dengan pengalaman yang ada dia akan cuba membimbing bakat baru dalam skuasy yang pada masa akan datang diharap dapat menjadi pelapis kepada skuad negara.

"Saya menganggap pelantikan ini sebagai penghormatan kepada sumbangan saya dalam sukan ini dan akan berusaha membimbing bakat baru sebaik mungkin untuk menjadikan mereka pemain yang berjaya.," katanya sambil menjelaskan akan hanya menumpukan kepada kejohanan tempatan selepas tidak lagi bersama skuad negara sejak September tahun lalu.